



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

---

### PEMAJU PERUMAHAN DI SABAH TAWAR DISKAUN HINGGA 10% KEPADA AHLI KESATUAN MELALUI INISIATIF KAD PEKERJA MADANI

---

1. Manifestasi kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam memperkasa gerakan pekerja dan memelihara keharmonian hubungan industri terus dizahirkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia (JHEKS) dalam memupuk solidariti pekerja dan kesatuan sekerja di seluruh negara, khususnya di Sabah.
2. Dengan **94 buah kesatuan sekerja berdaftar di Sabah** daripada keseluruhan **782 buah kesatuan** di Malaysia dan dengan kekuatan seramai **58,402 ahli kesatuan** daripada **1,045,991 ahli kesatuan** secara keseluruhan, usaha memperkukuh suara pekerja, mempertingkat kebajikan dan mempererat kerjasama antara pekerja dan majikan dilihat sebagai pemangkin kepada kemajuan ekonomi negeri dan kesejahteraan nasional secara menyeluruh.
3. Sempena sambutan Hari Kesatuan Sekerja JHEKS dengan sokongan KESUMA dan Kerajaan Negeri Sabah telah berjaya menganjurkan Perhimpunan Hari Kesatuan Sekerja Peringkat Negeri Sabah Tahun 2025, bertemakan “Solidariti Pekerja Pemangkin Kemajuan”.
4. Majlis ini telah berlangsung di International Technology & Commercial Center (ITCC) dan dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah. Ia menghimpunkan lebih 2,000 peserta yang terdiri daripada pemimpin dan ahli kesatuan sekerja, wakil agensi kerajaan dan pemegang taruh industri dari seluruh negeri.
5. Penganjuran ini merupakan julung kalinya diadakan di Negeri Sabah, dan menjadi simbol kepada penyatuan suara pekerja Sabah yang semakin matang dan berdaya saing dalam menghadapi landskap perburuhan yang semakin mencabar.
6. Dalam konteks nasional, reformasi perburuhan yang telah digerakkan oleh KESUMA melalui pindaan lapan akta penting termasuk Akta Keselamatan dan

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Sumber Manusia

Aras 11, Menara PERKESO Putrajaya, No. 6, Persiaran Perdana, Presint 2, 62100 W.P. Putrajaya

Telefon: 03 8880 6200 | Laman web: [www.mohr.gov.my](http://www.mohr.gov.my)

Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kesatuan Sekerja 1959, dan Rang Undang-Undang Pekerja Gig yang sedang digubal. Reformasi ini menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memastikan hak pekerja terus terpelihara dan setaraf di seluruh negara tanpa mengira wilayah.

7. Antara objektif utama perhimpunan ini ialah, mewujudkan ruang dialog antara kerajaan, kesatuan dan majikan, menyemarakkan semangat perpaduan dan solidariti pekerja, meningkatkan kesedaran berkenaan hak serta perlindungan sosial pekerja dan seterusnya memperkasa kesatuan agar terus relevan dalam dasar buruh semasa.
8. Dalam ucapannya, YB Menteri KESUMA menyebut **tiga berita baik** untuk para pekerja di Sabah. Pertama, beliau mengumumkan bahawa peluncuran Kad Pekerja MADANI oleh **YAB Perdana Menteri pada 1 Mei** yang lalu kini telah dijayakan oleh **210 rakan strategik** di seluruh Malaysia, termasuk 21 syarikat dari Sabah. Syarikat-syarikat ini menawarkan diskaun sehingga 30% untuk ahli-ahli kesatuan sekerja untuk membeli produk atau perkhidmatan. Salah satu contoh yang membanggakan ialah **tiga pemaju perumahan telah menawarkan diskaun antara 5% hingga 10% bagi pembelian rumah**, khas untuk pemegang Kad Pekerja MADANI di Sabah yang ingin memiliki kediaman pertama sendiri. KESUMA juga sedang bekerjasama dengan lebih 100 lagi rakan strategik di Sabah bagi membolehkan lebih banyak syarikat tampil menawarkan faedah ini.
9. Selain itu, **YB Menteri menegaskan bahawa Pusat Sehenti Tenaga Kerja KESUMA di Sabah yang baharu dilancarkan pagi tadi bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada para pekerja di bawah satu bumbung, selaras dengan matlamat KESUMA untuk menawarkan perkhidmatan yang bersepadu, cekap dan mesra rakyat.** Dengan adanya pusat ini, para pekerja di Sabah tidak lagi perlu berulang-alik ke pelbagai tempat untuk mendapatkan perkhidmatan. Antara jabatan dan agensi yang terlibat dalam projek ini termasuklah Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), JHEKS, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), TalentCorp serta Human Resources Development Corporation (HRD Corp).
10. Satu lagi inisiatif yang dinyatakan oleh YB Menteri ialah bantuan guaman percuma kepada pekerja kurang berkemampuan. Buat julung kalinya, hasil kerjasama antara JPP dan Sabah Law Society pada bulan lalu, para pekerja berpendapatan rendah di Sabah bakal mendapat akses bantuan guaman secara percuma bagi mewakili mereka di MPM.

11. Sebagai kesinambungan daripada kejayaan program peringkat negeri ini, KESUMA turut memaklumkan bahawa Perhimpunan Kesatuan Sekerja Peringkat Kebangsaan akan diadakan pada 6 September 2025 di Pulau Pinang.
12. Perhimpunan ini turut menggariskan komitmen KESUMA dalam memperkukuh institusi kesatuan sekerja melalui pendekatan berstruktur, progresif dan berpaksikan nilai Malaysia Madani. JHEKS akan terus melaksanakan inisiatif yang memperkukuh kepimpinan kesatuan di peringkat negeri, menyokong pendidikan buruh, dan membina jaringan solidariti nasional demi memastikan pekerja terus menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan kemajuan negara.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)**  
**04 OGOS 2025**

**LAMPIRAN****LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

**PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA**

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

**JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA**

| JABATAN                                            | AGENSI                                                      |
|----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| Jabatan Tenaga Manusia (JTM)                       | Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)                     |
| Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)                 | Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) |
| Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)                | Human Resources Development Corporation (HRDC)              |
| Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) | Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)             |
| Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)  | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)              |
| Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)     |                                                             |
| Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)         |                                                             |
| Jabatan Tenaga Kerja Sabah                         |                                                             |
| Jabatan Tenaga Kerja Sarawak                       |                                                             |